

**2015**

**KUIS dapat perhatian antarabangsa**

**November 18, 2015**

**OLEH: HAFIZAN TAIB (<https://selangorkini.my/2015/11/kuis-dapat-perhatian-antarabangsa/>)**

BANGI, 18 NOV: Penyertaan peserta luar negara dalam persidangan anjuran Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) menunjukkan kolej terbabit semakin diberi perhatian di peringkat antarabangsa.

Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata perkembangan terbabit adalah baik bagi KUIS sebagai persediaan menjadi universiti penuh pada tahun hadapan.

“Pembabitan peserta luar negara serta pensyarah daripada institut pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) membuktikan usaha KUIS mandapat perhatian pelbagai pihak.

“Ia memberi kesan baik kerana kajian dibuat dan dikongsi dapat dimantapkan lagi,” katanya kepada Selangor Kini selepas merasmikan majlis penutupan Persidangan Antarabangsa Pengurusan dan Muamalah anjuran Fakulti Pengurusan dan Muamalah KUIS, di sini, semalam.

Persidangan dua hari bertemakan ‘Empowering Management and Muamalah Through Knowledge Creation and Sharing’ menarik penyertaan 150 peserta termasuk Algeria, Iran, Mesir dan Nigeria.

Beliau berkata, isu ekonomi menyentuh soal pengurusan dan tatakelola dibincangkan dalam persidangan itu adalah perkara penting juga relevan masa kini.

Katanya, isu berkenaan sering menjadi pilihan dan dibentangkan untuk dibincangkan pihak berkenaan baik di dalam atau antarabangsa.

“Jika kita kembali kepada ajaran Islam, ia menekankan sewajarnya supaya melihat nilai Islam dalam perkara ini.

“Dalam kemerosotan ekonomi di peringkat global kini, Malaysia sebagai negara pengeluar komoditi akan terkesan dengan isu sebegini,” katanya. Seminar terbabit membincangkan peranan yang harus dimainkan usahawan masa kini dan dilihat sebagai faktor penentu dalam mengukuhkan kedudukan ekonomi sesebuah bangsa serta negara.